

THE TITAN

17 APRIL 2022 | BIL: 04
www.richworks.com

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

Industry View
**POTENSI
INDUSTRI
F&B**

**DARI
TEPI
JALAN,
BINA
EMPAYAR
AYAM
GORENG**

MUIZ HOT CHICKEN





KALAU AMERIKA ASASKAN KFC, MALAYSIA ADA MUIZ HOT CHICKEN

Siapa suka makan ayam goreng? Menu ringkas tetapi enak. Tak semestinya kita makan dengan nasi, makan ayam sahaja pun dah kenyang.

Anda pernah tak menikmati keenakan Muiz Hot Chicken?

Muiz Hot Chicken atau sebelumnya MRich Fried Chicken diasaskan oleh seorang anak muda berjiwa besar, Muhamad Muizzuddin Remle atau mesra dipanggil Muiz.

Muiz mula membina jenama ayam gorengnya sendiri selepas menghadiri program bersama

Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman.

Maka terciptalah jenama MRich Fried Chicken yang diinspirasikan bersempena nama RichWorks.

Ketika merancang untuk membuka francais, Muhammad Muizzudin memikirkan semula jenama yang dibina.

“Setelah membuat penyelidikan ke atas jenama-jenama popular sedia ada seperti Kentucky Fried Chicken, McDonald, Maxis, Celcom dan UMobile.



“Hasil kajian, teretus idea untuk meletakkan nama saya sendiri serta warna logo pada produk ayam goreng ini,” jelasnya kepada kami baru-baru ini.

Muiz kemudian menukar nama MRich Fried Chicken kepada Muiz Hot Chicken dan beliau membuka kedai sendiri dengan warna rasmi yang dipilihnya iaitu warna jingga.

18.02.2013

Anak muda ini memulakan perniagaan menjual ayam goreng secara kecil-kecilan di tepi Jalan Temenggong Ahmad, Parit Raja, Johor.

Beliau mula berniaga ayam goreng pada 18 Februari 2013, tiga hari selepas sambutan hari lahirnya yang ke-20.

Katanya, ia menjadi tarikh keramat buatnya malah tidak mungkin akan dilupakannya seumur

hidup kerana ketika waktu itu beliau mula bergelar peniaga ayam goreng.

Resepi ayam goreng yang rangup dan sedap ini dipelajari daripada ibu saudaranya ketika berusia 20 tahun.

“Masa hari pertama tu, saya berniaga di tepi jalan Parit Raja, Jalan Temenggong Ahmad berhadapan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahkota. Hari pertama tu saya dapat RM20.

“Dalam tempoh seminggu kemudian, jualan ayam goreng saya mula meningkat dan saya boleh dapat lebih kurang RM40 hingga RM60 sehari,” katanya lagi.

Namun, ketika itu ada juga pelanggan yang mengadu ayam goreng tersebut kurang masak kerana dimasak hanya dengan menggunakan periuk nasi sahaja.

PERJUANGAN MENDAPATKAN DEEP FRYER

Untuk memastikan ayam goreng yang dihasilkannya dapat memuaskan hati pelanggan, Muiz mula merancang untuk membeli deep fryer.

“Deep fryer masa itu agak mahal. Kira-kira RM2,000. Jadi saya cubalah pinjam dengan ayah, tapi dia memang tak nak bagilah sebab dia nak saya sambung belajar, bukan berniaga.

“Lagipun ayah kata, saya takkan berjaya kerana kami tiada darah orang berniaga. Lepas tu saya cuba pula pinjam dengan mak. Tapi saya dapat jawapan yang sama macam daripada ayah,” ceritanya.

Disebabkan buntu untuk mendapatkan wang bagi membeli deep fryer, dia kemudiannya terpaksa mencari sedikit helah bagi memujuk orang tuanya dengan alasan yang dia akan menjual peralatan itu apabila telah mendapat tawaran sambung belajar nanti.

“Setelah puas memujuk dan merayu, akhirnya dapatlah juga saya beli deep fryer tu. Selepas itulah saya terus berniaga sehingga tahun 2014 dengan purata jualan antara RM80 hingga RM100 sehari. Bagaimanapun, pada mula ayahnya dilihat tak menyokong Muiz untuk berniaga namun selepas lihat perubahan baik dari segi diri malah bisnes buatkan hati lebih terbuka.

Dan kini, ayah Muiz yang menjadi penyokong nombor 1 bagi mengembangkan empayar bisnesnya.” ujarnya.

“

LAGIPUN AYAH KATA, SAYA TAKKAN BERJAYA KERANA KAMI TIADA DARAH ORANG BERNIAGA. LEPAS TU SAYA CUBA PULA PINJAM DENGAN MAK. TAPI SAYA DAPAT JAWAPAN YANG SAMA MACAM DARIPADA AYAH,” CERITANYA.





CARI KERJA KERAJAAN

Dalam pada itu, Muiz yang memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mengimbas kembali cabaran yang dihadapinya di awal perniagaan memberitahu, ramai yang memandang rendah dengannya.

Malah ada yang secara terang-terangan menyuruhnya mencari kerja dengan kerajaan, jika mahu masa depannya terjamin.

“Kerja kerajaan lebih menjamin masa depan! Sampai bila kau nak berniaga jual ayam goreng di tepi jalan? Buat penat je buka kedai, tutup

kedai. Kalau kau kerja, kau kan dapat juga duit setiap bulan," kongsi.

Itulah antara kata-kata yang pernah dilemparkan kepadanya. Namun bagi Muiz, dia tak sedikit pun rasa tergugat dengan kata-kata itu, malah menjadi pembakar semangat untuk dirinya membuktikan bahawa beliau juga boleh berjaya seperti orang lain.

Sehubungan itu, Muiz bercadang untuk membuka cawangan kedua.

"Satu hari tu, saya berbual dengan pakcik saya. Saya kongsi cerita saya dengan dia dan alhamdulillah bagi saya pinjam RM2,000 untuk buka satu lagi cawangan.

"Dapatlah saya buka cawangan yang kedua dan pada hujung tahun 2014, saya berjaya buka satu lagi cawangan di Jalan Jonid, Muar," katanya.

RESTU MAK AYAH

Berbual-bual dengan seorang rakan yang pulang dari kelas seminar Intensif Magnet Kekayaan dan Kejayaan (IMKK) anjuran RichWorks dan Mentor Usahawan Datuk Wira Dr Azizan Osman.

"Dia kongsi dengan saya tentang 'Kolam Jiwa'. Katanya, dia menangis dalam kelas dan balik dari kelas dia minta restu mak ayah.

"Saya rasa betul juga apa yang dia kata. Kalau mak tak restu kita berniaga, macam mana kita nak berjaya. Jadi saya terus buat perkara yang sama sebab saya rasa itu perkara yang betul dan perlu saya buat.

"Saya minta restu dekat mak dulu. Sebab saya tahu ayah tetap tak bagi. Alhamdulillah mak

izinkan saya untuk terus berniaga," jelas anak ketiga daripada lima adik beradik itu.

BERANI BERNIAGA

Pada tahun 2014 juga, anak kelahiran Johor Darul Takzim ini buat pertama kalinya menyertai Seminar Berani Berniaga anjuran RichWorks di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Melaka.

Pada tahun berikutnya, Muiz menyimpan hasrat untuk menyertai IMKK.

Dek kerana berdepan masalah kewangan itu, beliau tidak dapat menyertai seminar tersebut.

Menyedari kewangannya masih belum kukuh akibat kekurangan ilmu perniagaan, Muiz menonton kembali video-video Dr. Azizan, selain mempelajari selok-belok pemasaran yang betul dengan menonton video Ketua Pegawai Eksekutif Momentum Internet Sdn Bhd, Najib Asaddok.

Menerusi ilmu yang diraihnya, selain nasihat daripada kenalan yang pernah menyertai kelas Dr. Azizan, Muiz terus berusaha memperbaiki diri dan akhirnya berjaya mengembangkan lagi perniagaan sehingga memiliki 56 francais.

Tapi, meskipun telah memiliki hampir 60 francais, jualanannya kembali jatuh.

JUALAN JATUH

"Akhirnya saya sedar bahawa perniagaan ni bukan sekadar menjual sahaja tetapi kita sebenarnya membina bisnes. Serious cakap, saya tak pernah ada pangkalan data dan maklum balas pelanggan. Dan sebab itulah kenapa jualan saya jatuh.



BERGAMBAR DIHADAPAN KILANG BARU MUIZ HOT CHICKEN.

“Ramai orang boleh buat pemasaran, tapi tak ramai orang yang boleh bina pasukan dan jadi pemimpin yang baik,” tegasnya.

KEPUTUSAN BERBALOI

Seterusnya, beliau memohon untuk menyertai mentoring Titanium selepas berunding bersama pasukan RichWorks.

Kejayaan yang dilakar oleh syarikat Eng’s Popcorn diusahakan juga anak muda, Mohamad Shazarul Ismail turut menjadi pembakar

semangat buat dirinya dan mendorongnya untuk nekad menyertai Titan.

Ternyata, keputusannya itu berbaloi serta membuahkan pulangan yang lumayan kepada perniagaannya.

“Alhamdulillah bulan Februari saya diterima menyertai Titanium. Sebenarnya memang perlukan mentor untuk bimbing kita. Sebab kalau tak ada mentor, kita akan rasa aku dah



buat paling betul dah ni dan tiada sesiapa boleh tegur aku," ujarnya.

Setelah sebulan menjadi ahli Titan, beliau dapat merasakan bahawa caranya berfikir telah berubah, begitu juga dengan personaliti dirinya hasil daripada bimbingan Dr. Azizan.

Malah perniagaannya terus berkembang maju!

PENCAPAIAN

Pada 2020, Muiz Hot Chicken sudah menerima pesanan 700 ekor ayam sehari berbanding hanya 500 ekor sehari sahaja sebelum ini dan jumlah itu semakin meningkat.

Hasil jualan pada 2021 mencatatkan RM10 juta dan setakat Februari 2022 telah meraih 2.3 juta. Pada 2023 Muizzuddin mensasarkan jualan RM50 juta.

Daripada berniaga tepi jalan, kini Muiz Hot Chicken mempunyai 110 kios dan makin berkembang di Malaysia.

Jika dahulu, dibantu Seorang Makcik yg duduk di satu kampung, hari ini syarikatnya mempunyai 35 kakitangan.

Masa awal-awal berniaga pada 2013, teringin hendak pakai kereta Toyota Alphard tapi masih belum mampu, hanya bergambar dengan kereta orang sahaja.

Kini kenderaan itu telah menjadi milik Muiz pada usia 28 tahun.



NASIHAT MUIZ

4

PERTAMA, dalam hidup dan apa yang kita lakukan perlu mendapat restu.

"Kalau mak tak restu kita berniaga, macam mana kita nak berjaya. Jadi saya terus buat perkara yang sama sebab rasa itu perkara yang betul dan perlu saya buat.

"Saya minta restu dekat mak dulu. Alhamdulillah mak izinkan saya untuk terus berniaga," jelasnya.

KEDUA, kita fokus untuk bantu lebih ramai orang, jadi satu ibadah.

KETIGA, belajar supaya tak buat salah, terus buat yang betul.

"Belajar daripada pengalaman orang lain, belajar benda betul yang orang lain buat," tegasnya.

KEEMPAT, menulis atau mengambil gambar untuk setiap impian.

"Perkara betul yang memberi kesedaran kepada saya adalah dengan menulis atau mengambil gambar untuk setiap impian.

"InshaAllah, tindakan itu bagaikan magnet untuk membolehkan saya mencapai sedikit demi sedikit impian yang dah ditulis," ujarnya. 📌



Business Evaluation Session Transformation

best

TARIKH: SETIAP SELASA & SABTU • MASA: 10 PAGI - 12 TENGAH HARI • YURAN: ~~RM2000~~ PERCUMA

Nilai Realiti Bisnes Anda Ketika Ini!

SESI KHAS KONSULTASI

Business Evaluation Session & Transformation (BEST) untuk anda yang komited dan nak metamorfosis bisnes ke tahap lebih baik pada 2022.

HADIR DI RICHQ atau ONLINE

No. 77, Jalan Badminton 13/29,
Seksyen 13, 40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Info lanjut: +60192442244



richworks.com/best

POTENSI INDUSTRI F&B



Industri Makanan dan Minuman (F&B) di negara-negara ini dikenal pasti sebagai salah satu penyumbang kepada hasil negara.

Bahkan ia juga merupakan pasaran yang berkembang dengan pantas.

Pada 2018, industri ini bernilai sekitar 22.12 bilion euro bersamaan RM102.26 bilion. dengan kadar perkembangan sekitar 7.6 peratus.

Industri ini kebanyakannya didominasi oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang boleh dilihat di seluruh negara.

Selain PKS, terdapat syarikat multinasional dan luar yang mengeluarkan produk makanan proses.

Industri F&B adalah seperti produk coklat, bijiran, ikan, sayuran, rempah & herba, haiwan ternakan dan sebagainya.

Bagaimanapun, kita banyak bergantung kepada import bagi kegunaan domestik seperti beras, daging dan seafood.

Peneraju pengeluaran dan pemprosesan makanan halal

Malaysia juga diakui sebagai peneraju dunia dalam bidang pengeluaran dan pemprosesan makanan halal.

Bukan itu saja, sistem pensijilan kita turut diperakui secara global yang memberikan jaminan keselamatan termasuk produk yang berkualiti.

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) memberitahu, eksport makanan proses Malaysia pada 2020 bernilai RM21.24 bilion (AS\$5.06 bilion) dengan destinasi eksport utama adalah Singapura, China, Amerika Syarikat, Indonesia, dan Thailand.

Makanan proses antara produk utama yang bersumberkan dari Malaysia oleh beberapa negara di Asean, Asia Barat dan Afrika.

PERUBAHAN TABIAT MANUSIA

Pendigitalan yang berlaku ditambah dengan pandemik sejak 2 tahun lalu telah mengubah banyak aspek dan tabiat orang ramai.

Hal ini termasuk pengguna yang melibatkan industri F&B. Penggunaan telefon pintar bagi mendapatkan makanan dan minuman melalui penghantaran makanan sudah menjadi kebiasaan kepada ramai orang ekoran pandemik.

Sehubungan itu, ia memudahkan pengguna untuk mendapatkan makanan ditawarkan oleh peniaga atau vendor yang berada di dalam platform berkenaan.

Oleh itu, usahawan F&B tak boleh ketinggalan yang mana mereka perlu memastikan perniagaan mengikut perkembangan dan teknologi semasa yang diguna ramai orang. 📍

INTENSIF
MAGNET
KEKAYAAN &
KEJAYAAN

SEJAK 2009

INTENSIF MAGNET KEKAYAAN & KEJAYAAN

Jalan untuk berjaya


Program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan adalah program 3 hari dan merupakan satu-satunya program bertaraf antarabangsa yang diinspirasi oleh MenThor Usahawan Jutawan #1 Asia Datuk Wira Dr Azizan Osman



DAFTAR KEJAYAAN ANDA SEKARANG!

richworks.com/imkk

Eksklusif & Terhad!



SOLUSI BISNES & PEMASARAN DIGITAL

Panduan & strategi yang **PROVEN** diguna pakai ketika krisis dan cabaran pada 2020 & 2021.

Ia boleh digunakan bagi bangsa usahawan untuk berdepan pelbagai cabaran hingga mampu **BANGKIT** semula.

Bukan sekadar teori, tetapi praktikal sebenar dilakukan di lapangan.

REAL PEOPLE, REAL BUSINESS, REAL RESULTS!

Hanya **10,000** naskah buku ini yang merupakan **HADIAH** dari Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman buat bangsa usahawan.

Kini hanya berbaki **3,000** lagi naskah untuk anda dapatkannya secara percuma sehingga **30 April 2022** saja selagi stok masih ada!

~~Harga Asal RM99.90 + Caj Penghantaran~~
~~Harga Promosi RM49.90 + Caj Penghantaran~~
KINI ---> PERCUMA + Caj Penghantaran



E-MAGAZINE
UNTUK
BANGSA
USAHAWAN

RICHWORKS™

THE
TITAN

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.